

18 MAR 2001

Cuepacs-SSB

CUEPACS BINCANG DENGAN JPA KAJIAN SEMULA SSB

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Kaedah penilaian oleh beberapa badan korporat akan digunakan dalam kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB), kata Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam hari ini.

Beliau berkata Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengadakan perbincangan minggu depan dan kajian itu dijangka diselesaikan dalam masa dua bulan.

"Dalam isu ini, Cuepacs mencadangkan satu struktur gaji baru bagi menggantikan jadual gaji matriks yang digunakan dalam SSB," katanya kepada Bernama.

Siva Subramaniam berkata Cuepacs telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan mereka di Putrajaya, Rabu lepas mengenai perasaan tidak puas hati kakitangan awam terhadap penilaian yang digunakan dalam sistem sekarang.

"Cuepacs telah mengemukakan punca utamanya ialah penilaian yang dibuat oleh ketua jabatan setiap tahun mengakibatkan 95 peratus kakitangan kerajaan berasa hampa dan kecewa," katanya.

"Kita juga memberitahu Perdana Menteri bahawa rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan dapat diatasi dengan mengadakan sistem gaji baru," kata Siva Subramaniam yang mengetuai delegasi Cuepacs pada pertemuan itu.

Menurutnya, pelaksanaan gaji baru berdasarkan satu skel sahaja yang dicadangkan oleh Cuepacs tidak akan membebankan mana-mana pihak.

Laporan akhbar hari ini memetik Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan sebagai berkata bahawa pada pertemuan itu Perdana Menteri meminta Cuepacs bekerjasama dengan JPA untuk mencari penyelesaian segera terhadap isu jadual gaji matriks dalam SSB yang dilaksanakan sejak 1992.

Siva Subramaniam berkata satu pasukan petugas antara Cuepacs dan JPA telah dilantik bagi mengkaji perkara itu.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RHM